



MEMO DALAMAN PEJABAT PENTADBIRAN



Daripada	Timbalan Pengarah (Pengurusan)
Kepada	Semua Ketua Jabatan/Unit/Wad
Salinan Kepada	Pengarah Hospital / Timbalan Pengarah (Perubatan)
Perkara	PELAKSANAAN PENGGUNAAN PAS PELAWAT & PAS MENUNGGU
Rujukan Fail	Bil (2) dlm.HSM.10/29 Jld.2
Tarikh	1hb Jun 2017

Tuan/puan,

Adalah dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa HSM akan mengimplementasikan penggunaan Pas Pelawat bagi pelawat yang ingin melawat pesakit di luar waktu melawat. Selain itu, pas menunggu versi baharu juga telah diperkenalkan untuk diberikan kepada waris/penjaga yang menjaga pesakit di wad.

3. Garis panduan penggunaan Pas Pelawat & Pas Menunggu tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A & LAMPIRAN B**. Penggunaan kedua-dua kad ini adalah **berkuatkuasa mulai 2 Jun 2017**.

4. Segala kerjasama pihak tuan/puan mengenai perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ALICE A/P MASILLAMANI)

Timbalan Pengarah (Pengurusan)

b.p: Pengarah Hospital

Hospital Seri Manjung

s.k: Active Network Security Services Sdn. Bhd
Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta
Hospital Sei Manjung
(u.p: En. Bahari – Penyelia Pengawal)
E. Azman – Ketua Pengawal)

- Dipanjangkan memo ini untuk perhatian dan tindakan pihak tuan.

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PAS PELAWAT**A) Definisi**

Pas Pelawat adalah pas yang digunakan untuk memberi kebenaran kepada pelawat yang melawat pesakit di luar waktu lawatan hospital.

B) Objektif Pas Pelawat adalah:

- 1) Untuk mengawal jumlah pelawat di dalam wad pada luar waktu lawatan;
- 2) Untuk memastikan hanya pelawat yang dibenarkan sahaja berada di wad berkenaan; dan
- 3) Untuk mengurangkan gangguan dalam proses rawatan pesakit.

C) Cara Penggunaan:

- 1) Pas Pelawat akan diberikan kepada pelawat yang melawat pesakit di luar waktu lawatan yang dinyatakan di bawah:

BIL	HARI	MASA
1.	Isnin - Jumaat	12.30tgh – 2.00ptg 4.30ptg – 7.00mlm
2.	Sabtu/Ahad/Cuti Umum	12.30tgh – 7.00mlm

- 2) Pas ini akan dikeluarkan oleh pengawal di pintu masuk utama [*Visitor's Control (VC)*] setelah pelawat didaftarkan di kaunter pengawal. Pengawal sendiri perlu mendaftarkan pelawat dengan menggunakan maklumat kad pengenalan. Walaubagaimanapun, pengawal tidak boleh mengambil atau menyimpan sebarang dokumen dari pelawat untuk diberikan pas pelawat. Setiap pas pelawat mempunyai no. siri yang perlu direkodkan semasa pendaftaran.
- 3) Pas Pelawat disediakan bagi setiap wad termasuk SCN dan ICU. Walaubagaimanapun, pelawat tertakluk kepada peraturan setiap wad yang dikuatkuasakan oleh pengawal di wad berkenaan.

- 4) Setiap pesakit yang stabil hanya dibenarkan 2 orang pelawat sahaja pada satu-satu masa mengikut budi bicara Pegawai Perubatan / Ketua Jururawat / Jururawat yang merawat / menjaga di wad tersebut. Walaubagaimanapun, bagi pesakit yang nazak, dibenarkan lebih dari 2 pelawat atas budi bicara Pegawai Perubatan / Ketua Jururawat / Jururawat yang merawat / menjaga di wad tersebut.
- 5) Pelawat yang dibenarkan melawat di luar waktu lawatan adalah pelawat kepada pesakit yang kritikal, pelawat yang datang dari jauh, dan mana-mana pelawat yang mempunyai sebab yang munasabah untuk melawat di luar waktu lawatan.
- 6) Pelawat perlu memulangkan pas pelawat di kaunter pengawal (VC) setelah selesai urusan lawatan.

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PAS MENUNGGU

A) Definisi

Pas Menunggu adalah pas yang dikeluarkan untuk waris / penjaga pesakit yang menjaga pesakit di wad.

B) Objektif Pas Menunggu adalah:

- 1) Untuk mengawal bilangan penjaga yang menjaga pesakit di dalam wad;
- 2) Untuk memastikan hanya orang yang dibenarkan untuk menjaga pesakit berada di wad; dan
- 3) Untuk mengurangkan gangguan dalam proses rawatan pesakit.

C) Cara Penggunaan

- 1) Penjaga yang ingin menjaga pesakit di wad perlu mendapatkan Pas Menunggu di kaunter wad yang berkenaan. Pihak wad akan mendaftarkan penjaga tersebut dan menyerahkan Pas Menunggu.
- 2) Pas Menunggu tersebut digunakan sebagai pengenalan diri kepada penjaga yang menjaga pesakit di wad.
- 3) Pas Menunggu perlu diperbaharui di kaunter wad sekiranya berlaku pertukaran penjaga.
- 4) Setiap pesakit boleh ditemani oleh seorang penjaga sahaja pada satu satu masa.
- 5) Pas perlu dipulangkan di kaunter wad setelah selesai urusan menjaga pesakit.